

Teks Ucapan

Yang Berbahagia

Profesor Emeritus Datuk Dr. Raduan Che Rose

Pengerusi

Lembaga Pengarah Universiti

Universiti Teknologi MARA

Majlis Jasamu Dikenang 2022

9 Oktober 2023

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

- **Yang Berbahagia Dato' Dr. Adnan Alias**
- **Yang Berbahagia Datuk Ariff Farhan Doss**
Ahli Lembaga Pengarah Universiti Teknologi MARA
- **Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor**
Naib Canselor Universiti Teknologi MARA
- **Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohd Sazili Shahibi**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- **Yang Berbahagia Prof. Ts. Dr. Norazah Abd Rahman**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- **Yang Berbahagia Tuan Haji Muhamad Nizam Noordin**
Pendaftar UiTM
- **Yang Berbahagia Encik Wan Hasmadi Wan Mohamed**
Bendahari UiTM
- Barisan Pengurusan Kanan Universiti Teknologi MARA
- Yang diraikan bakal pesara dan pesara Universiti Teknologi MARA

- Penerima-penerima khidmat bakti 25 tahun dan 30 tahun; serta
- Semua warga Universiti Teknologi MARA yang dikasihi sekalian.

[Salutasi - Kemas kini berdasarkan kehadiran]

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini meraikan staf Universiti yang akan bersara, telah pun bersara dan menghargai mereka yang telah mencurahkan khidmat bakti selama 25 tahun dan 30 tahun.

2. Justeru, Majlis Jasamu Dikenang 2022 ini merupakan platform terbaik untuk menyampaikan penghargaan daripada pihak Universiti kepada tuan-tuan dan puan-puan semua.

3. Saya merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua yang diraikan, di atas keringat yang telah dicurahkan, komitmen yang padu yang diberikan, tanggungjawab yang telah dilaksanakan, serta khidmat setia tuan puan sepanjang berkhidmat di Universiti yang tercinta ini.

4. Sudah pasti mereka ini bukan calang-calang dalam mencurahkan segala khidmat bakti mereka kepada anak bangsa. Hanya Allah SWT sahaja yang boleh membalasnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Sepanjang saya di UiTM, saya melihat kesungguhan semua warga kerja Universiti yang penuh semangat, positif dan berketerampilan dalam menerajui penyampaian perkhidmatan dalam kepakaran masing-masing.

6. Ini termasuklah tuan-tuan dan puan-puan yang berada pada hari ini, yang mana ia menunjukkan bahawa UiTM sebagai Universiti terbesar di Malaysia

mempunyai kekuatan aset modal insan yang kukuh dan budaya kerja yang wajar dijadikan contoh kepada generasi baharu dan pelbagai lapisan masyarakat.

7. Dengan kekuatan inilah saya pasti, UiTM mempunyai warga yang berintegriti, berdedikasi, kreatif dan komited dalam memastikan kecemerlangan dan kejayaannya di mata dunia sebagai *Globally Renowned University*. Jasa, dan pengorbanan tuan-tuan dan puan-puan dalam membantu memartabatkan masa depan anak bangsa juga khususnya ke tahap yang lebih tinggi amat dihargai.

Tuan-tuan dan puan-puan

8. Sesungguhnya setiap daripada usaha yang diberikan selama ini telah memainkan peranan yang penting dalam mengembleng tenaga untuk menjayakan strategi dan agenda pembangunan pendidikan negara.

9. Dari dahulu sehingga kini kerajaan telah membuat pelaburan yang besar kepada pendidikan negara demi kemajuan anak bangsa. Justeru, kita adalah sebahagian daripada jentera negara bersama-sama

dalam mendidik anak bangsa ke arah menjadi graduan profesional yang holistik seterusnya dapat kembali menyumbang kepada negara.

10. Segala usaha, kudrat dan sumbangan tuan-tuan dan puan-puan sangat membantu dalam mencorakkan kedudukan tahap pendidikan khususnya pengajian tinggi pada masa kini.

11. Perancangan, kudrat dan hasil usaha sebagai tenaga kerja universiti akan menterjemahkan pencapaian universiti keramat ini pada tahun-tahun akan datang. Pembentukan budaya kerja yang positif dan harmoni sentiasa menjadi perkara terpenting dalam pelaksanaan penyampaian perkhidmatan.

Tuan-tuan dan puan-puan

12. Kepada mereka yang akan bersara janganlah lupakan kami di sini. Yang telah bersara juga didoakan agar tuan puan dapat terus menyumbang ilmu pengetahuan dan kepakaran yang ada.

13. Legasi yang ditinggalkan boleh menjadi pembakar semangat kepada generasi baharu agar terus memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan terbaik. Teruskan semangat dan keterujaan untuk melakukan perkara-perkara yang baik selagi hayat di kandung badan. Teruskan juga kecemerlangan dan khidmat bakti kepada komuniti di luar sana yang memerlukan tanpa mengira masa dan jurang.

14. Bagi warga UiTM yang masih lagi dalam perkhidmatan, bekerjalah dengan penuh amanah. Jadikan sahabat-sahabat kita ini sebagai inspirasi untuk kita saling berganding bahu dan dapat memacu UiTM ke mercu persada antarabangsa. Teruskan berkhidmat dalam satu pasukan yang kuat dalam mendokong aspirasi universiti dan terus membina kecemerlangan.

15. Pengalaman kerjaya kita pasti berbeza, namun hasil kejayaan yang diperolehi UiTM hari ini adalah titik peluh perjuangan tuan-tuan dan puan-puan. Nikmatilah kejayaan kita hari ini dan semoga ianya menjadi kenangan yang indah, terpahat kukuh di hati semua.

16. Akhir kata, sekali lagi saya bagi pihak UiTM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua. Selamat bersara dan Selamat Maju Jaya. Semoga Allah SWT memberkati segala keihklasan semua.

**Sekian, Wabillahitaufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.**